



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA**

**MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1997**

---

**PENJELASAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN LANTIKAN BARU  
KE SKIM PERKHIDMATAN DALAM KUMPULAN SOKONGAN  
MENGIKUT JADUAL GAJI BARU DI BAWAH**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 1996**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk memberi penjelasan kepada Pihak Berkuasa Melantik berhubung dengan kaedah penetapan gaji permulaan lantikan baru ke skim perkhidmatan dalam Kumpulan Sokongan mengikut jadual Gaji Baru di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996](#) (PP Bil. 2/96).

## LATAR BELAKANG

2. Perenggan 9 [PP Bil. 2/96](#) menyatakan bahawa "pelarasan gaji di bawah pekeliling ini tidak mengubah gred gaji dan skim perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa. Walau bagaimanapun skim perkhidmatan tersebut hendaklah mengikut Jadual Gaji Baru."

3. Jabatan ini mendapati kekeliruan telah timbul berhubung dengan cara penetapan gaji permulaan bagi anggota lantikan baru di bawah 27 skim perkhidmatan seperti di [Lampiran A](#). Prinsip pemindahan gaji di bawah [PP Bil.2/96](#) bagi skim-skim perkhidmatan tersebut menyebabkan berlakunya pemindahan daripada dua atau lebih matagaji sekarang kepada satu matagaji baru (*bracketing*). Berikutan pelaksanaan [PP Bil. 2/96](#), penetapan gaji permulaan di peringkat (P) dan tangga (T) mengikut peruntukan di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 \(PP Bil. 9/91\)](#) tidak boleh terus menggunakan P dan T di Jadual Gaji Baru ([PP Bil. 2/96](#)).

## KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

4. Apabila [PP Bil. 2/96](#) bertarih 16 April 1996 dikeluarkan dan dikuatkuasakan secara dikebelakangan mulai 1 Januari 1995 terdapat dua golongan lantikan baru mulai 1 Januari 1995 seperti berikut:

- (a) Lantikan baru dengan menggunakan Jadual Gaji Sekarang ([PP Bil. 9/91](#));  
dan

(b) Lantikan baru dengan menggunakan Jadual Gaji Baru ([PP Bil.2/96](#)) selepas **16 April 1996**.

5. Bagi lantikan di bawah para 4 (a), Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menetapkan semula gaji permulaan mengikut gaji yang setaraf di Jadual Gaji Baru dengan menggunakan Sifir Pemindahan Gaji dalam [PP Bil. 2/96](#).
6. Bagi lantikan di bawah 4 (b), tawaran matagaji baru yang ditawarkan kepada anggota hendaklah dikekalkan.
7. Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menetapkan gaji permulaan bagi anggota lantikan baru ke dalam skim perkhidmatan mengikut Jadual Gaji Baru [PP Bil. 2/96](#) seperti di [Lampiran A](#).

#### **TARIKH KUATKUASA**

8. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

#### **PENUTUP**

9. Pihak tuan juga adalah dinasihatkan supaya menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi atau Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam sekiranya terdapat pertanyaan mengenai pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**(DATO ' HAJI ABDUL WAHAB BIN ADAM)**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia.

Tarikh: 1 Ogos 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

BIL.	GRED GAJI	SKIM PERKHIDMATAN	<u>PP 9/91</u>	SETARAF DENGAN <u>2/96</u>
1.	A7	Pemandu Lokomotif	T7 : RM644	T6 : RM706
2.	A7	Pemeriksa Kereta Motor	T10 : RM728	T9 : RM808
3.	A7	Serang	T9 : RM700	T8 : RM774
4.	A11	Penjaga Rumah Api	T3 : RM368	T2 : RM431
5.	B7	Ahli Muzik	T9 : RM699	T8 : RM773
6.	C7	Pembantu Galian	T10 : RM716	T9 : RM797
7.	C7	Pembantu Kajibumi	T10 : RM716	T9 : RM797
8.	G8	Pengajar Membalak	T9 : RM689	T8 : RM764
9.	G10	Pengajar Rendah	T16 : RM678	T12 : RM761
10.	L7	Jurubahasa	T10 : RM715	T9 : RM796

<b>BIL.</b>	<b>GRED GAJI</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b><u>PP 9/91</u></b>	<b>SETARAF DENGAN <u>2/96</u></b>
11.	N9	Pembantu Penerbitan	T10 : RM713	T9 : RM794
12.	N9	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	T10 : RM713	T9 : RM794
13.	N9	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	T10 : RM713	T9 : RM794
14.	N9	Penyelia Jurupakaian	T9 : RM686	T8 : RM761
15.	N11	Pembantu Tadbir Rendah	T5 : RM430	T4 : RM497
			T8 : RM481	T6 : RM547
16.	N13	Pembantu Am Rendah	T3 : RM347	T2 : RM410
17.	N13	Pengawas Pemulihan	T15 : RM539	T10 : RM610
18.	N13	Penyelamat	T5 : RM369	T3 : RM435
19.	Q8	Pembantu Penyelidik	T8 : RM661	T7 : RM730
20.	R10	Pemandu Kenderaan Bermotor	T4 : RM396	T3 : RM467
21.	R10	Pemandu/Operator Jentera Pemungkah	T4 : RM396	T3 : RM467
22.	R10	Operator Loji	T4 : RM396	T3 : RM467
23.	R11	Pekerja Rendah Awam	T4 : RM357	T3 : RM434

<b>BIL.</b>	<b>GRED GAJI</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b><u>PP 9/91</u></b>	<b>SETARAF DENGAN <u>2/96</u></b>
24.	U14	Penolong Jururawat	T5 : RM448	T4 : RM515
25.	U14	Pembantu Pembedahan Pergigian	T5 : RM448	T4 : RM 515
26.	W8	Pembantu Akauntan	T10 : RM714	T9 : RM795
27.	W8	Pembantu Juruaudit	T10 : RM714	T9 : RM795